

CTRA
PRODUCTION

&



JAMU MAK DARA

teater

Mak Dara Nyonya

www.makdaranyonya.blogspot.com





Tenaga Usaha MAK DARA NYONYA

teater

Mak Dara Nyonya

www.makdaranyonya.blogspot.com

6 - 12 Julai 2011 MaTiC, Jalan Ampang, K.L. 8.30 malam

Juhara Ayob ~ Sherry Abdullah ~ Misha Omar ~ Sarimah Ibrahim
Zaifri Husin ~ Norzizi Zulkafli ~ Fara Fauzana

Kata-kata Aluan Pengarah Pusat Pelancongan Malaysia (MaTiC)

YBhg. Datin Zaitun Mohd. Ali



Assalamualaikum dan Salam 1 Malaysia,

SAYA berasa amat gembira kerana teater *Mak Dara Nyonya* yang menggabungkan dua kisah dari dua negara ini memilih MaTiC sebagai lokasi pementasan. Ini memberi peluang kepada MATIC untuk sama-sama memainkan peranan dalam perkembangan pementasan teater tanah air.

Sesungguhnya melalui pementasan yang menonjolkan nama-nama besar dalam bidang seni ini telah memberi peluang kepada masyarakat untuk menontonnya apatah lagi cerita yang diketengahkan berkaitan dengan sikap masyarakat sendiri.

Malah, persembahan ini akan menjadi lebih menarik jika para pelancong yang berkunjung di MaTiC turut sama berkongsi pengalaman menonton. Ini kerana unsur-unsur budaya yang diterapkan dalam persembahan ini seperti kostum nyonya, tata rias dan gaya tarian akan memberi pengalaman baru kepada mereka tentang budaya Malaysia.

Saya juga berharap, MaTiC akan terus dijadikan pilihan oleh semua pihak sebagai lokasi untuk mengadakan pelbagai aktiviti sebagaimana yang dilakukan oleh pihak produksi teater *Mak Dara Nyonya*.

Sekian. Terima Kasih.

Sinopsis Mak Dara Nyonya

Dua cerita,
Dua negara,
Satu pengarah,
SAKSIKAN....
Cerita masyarakat yang diselaputi rahsia & muslihat
Kasih dan air mata
Luka dan sengsara...

Gabungan kisah Mak Dara (Malaysia) dan Nyonya (Indonesia) ini bersifat humor dan penuh emosi. Bergelar Ratu Kebaya sebanyak 12 kali, Halimah Shuib menjalani kehidupan yang memilukan biarpun pada awalnya hidup dalam kebahagiaan. Beliau kehilangan harta pusaka dan kebahagiaan malah paling memilukan, anak-anak beliau terpaksa menumpang kasih di rumah bangsa lain. Daripada seorang Ratu, beliau menjadi penjaja. Dari sebuah `istana cinta', beliau hidup merempat, seringkali hanya tinggal di dalam kotak. Namun, ada sinar menerangi hidupnya, berkat anak-anak yang terpelihara akhlaknya.

Kisah Nyonya pula dibawa dengan cara komedi tetapi sinis yang menjanjikan penonton tidak kering gusi. Beliau 'berperang' dengan Tuan, seorang saudagar antik, yang mengambil kesempatan semasa suami Nyonya terlantar di hospital akibat barah lidah untuk membeli harta Nyonya. Dari batu mamar di perkarangan rumah hingglah meja makan, tempat tidur dan beliau akhirnya ingin membeli betis dan lutut Nyonya. Pada masa yang sama, Nyonya berhadapan dengan cucu saudaranya yang menuntut harta pusaka sehingga mengugut untuk membunuhnya.

Siapa Ibu Halimah / Mak Dara?

HALIMAH Shuib atau lebih dikenali dengan panggilan Mak Dara @ Ibu Halimah dilahirkan pada 1 Oktober 1945 di Rengit, Batu Pahat, Johor. Ibu beliau bernama Kamariah Hj Latif dari keturunan Arab manakala ayahnya, Shuib Elias dari keturunan Jawa. Justeru, beliau sangat berbangga dengan keturunan Arab-Jawa yang menjadi legasi keluarganya hingga ke hari ini.

Beliau yang kini dikenali sebagai usahawan wanita yang berjaya dalam perniagaan jamu pernah melalui perjalanan hidup yang berliku sebelum berjaya. Syarikat yang diasaskannya bersama anaknya, Syed Muhammad Gadaffi Syed Ali iaitu Jamu Mak Dara Sdn. Bhd. (JMDSB) tidak mendapat 'durian runtuh' dalam usaha menempah kejayaan seperti hari ini.

Terlalu banyak liku yang ditempuhinya sehingga kita merasakan apakah ia sebuah 'drama'? Namun, itulah kehidupan benar seorang usahawan Melayu yang bangun dari tangisan yang panjang. Beliau melalui kehidupan yang perit zaman kanak-kanak akibat kemiskinan selepas perang. Namun, kasih sayang ibu bapa dan keluarga menjadikan beliau hidup gembira. Galakkan adiknya, Munawar untuk menyertai pertandingan ratu dan menyanyi memberikan beliau gelaran sebagai Ratu Kebaya sebanyak 12 kali. Gelaran itu membawa kesan yang positif dan negatif. Ada yang memuji dan ada yang memfitnah.

Bagaimana pun, beliau meneruskan kehidupan sebagai manusia biasa; melalui gerbang perkahwinan, melahirkan zuriat dan perceraian. Kehidupan sebagai janda dan ibu perlu diteruskan demi anak-anak. Beliau menjadi tukang masak, membuka warung sendiri, jadi tukang sapu, tidur dalam kotak, menumpang tinggal di bengkel usang, ditipu bangsa dan saudara sendiri sehinggalah pernah makan nasi dari tong sampah.



Perit dan menyiksakan kehidupan beliau bersama enam anak, Nor Halimah, Sharifah Halimatun Saadiah, Tun Sharifah Fatimah, Syed Muhammad Gadaffi, Syed Muhammad Ghazali dan Syed Muhammad Rizal. Anak-anak adalah harta dan kasih sayang bagi Ibu Halimah meneruskan kehidupan. Pelbagai kerja dilakukan bagi mencari rezeki yang halal. Namun, segala petua yang ditinggalkan oleh ibunya, Kamariah @ Mak Dara menjadi 'harta' yang menghentikan tangisan beliau. Petua-petua dan warisan rempah ratus dari ibunya yang digelar Mak Dara dimanfaatkan ke jalan yang betul sehingga memberi rezeki kepada Halimah dan seisi keluarga. Malah, dikongsi bersama masyarakat untuk kebaikan.

Siapa sangka, dengan hanya satu produk - Jamu Mak Dara, malah dalam tempoh lima tahun kewujudannya, produk itu terus mencatat prestasi mengagumkan. Bermula dari satu paket jualan pada 2006, ia kini telah menghasilkan pelbagai jenis produk herba untuk kesihatan termasuklah rempah untuk masakan.

Kini, Ibu Halimah sebaris dengan usahawan wanita Malaysia yang lain. Beliau juga menjadi penceramah serta motivator terutamanya kepada wanita-wanita yang merasakan hidup mereka sudah berakhir apabila berlaku perceraian. Justeru, kisah silam yang dilalui bersama anak-anak iaitu berkongsi makan mi segera, menumpang tinggal di bengkel yang berminyak tar, jatuh ke dalam sungai ketika menjual kuih, tidur di dalam kotak, digelar pelacur, dihalau keluar dari rumah sendiri dan banyak lagi kelukaan - hanya tinggal kenangan yang akan dikongsi bersama orang lain.

Pengalaman inilah yang dibawa bersama setiap kali mengadakan sesi ceramah dan motivasi. Kerana sesungguhnya, rezeki itu tidak akan datang bergolek sekiranya tidak berusaha mendapatkannya. Seperti kata pepatah; benih yang baik dicampak ke mana pun akan membuah hasil.

Selain itu, Ibu Halimah juga berbakat dalam bidang penulisan apabila menghasilkan buku yang berkaitan masakan dan petua. Empat buku tulisan beliau telah diterbitkan iaitu *Masakan Tradisi Johor* (2004), *Mudah Membuat Kek* (2008), *Kek Istimewa Bersalut Krim, Fondan dan Coklat* (2008) dan *Petua Mak Dara* (2010).



Ibu Halimah bersama anak-anaknya, Sharifah Halimatun Saadiah & Syed Muhammad Gadaffi

Sejarah Pementasan Teater Nyonya

NASKHAH teater *Nyonya* telah dipilih oleh CTRA Production dan Persatuan Penulis Wanita Malaysia (PPWM) untuk dipentaskan buat pertama kalinya di Pusat Pelancongan Malaysia (MTC), Kuala Lumpur pada 7 – 11 Oktober 2004. Di bawah arahan Siti Rohayah Attan, karya penulis Indonesia, Wisran Hadi ini dilakonkan oleh Tania Zainal (Nyonya), Eyzendy Aziz (Tuan), Juhara Ayob (Keponakan B), Melissa Saila (Keponakan C), Rosman Ishak (Keponakan A) dan Ismaliza Ishak (Isteri). Pementasan yang mendapat kerjasama dari Jabatan Kebudayaan, Kesenian dan Warisan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur itu dibiayai sepenuhnya oleh Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan.

Kali ke-2, *Nyonya* telah menemui penonton di Taman Seni Budaya Seremban, Negeri Sembilan pada 10 - 12 Disember 2004 dengan dibarisi pelakon seperti Eyzendy Aziz (Tuan), Tania Zainal (Nyonya), Khatijah Tan (Keponakan A), Rozie Rashid (Keponakan C), Ismaliza Ishak (Isteri) dan Rosman Ishak (Keponakan B). Ia diarahkan oleh Siti Rohayah Attan.

Teater ini sekali lagi dipentaskan bagi kali ke-3 pada 25 - 27 Mei 2007 di Taman Budaya Pumpang Alor Star, Kedah yang dibiayai oleh Kerajaan Negeri Kedah dan KeKKWa. Kali ini ia diarahkan oleh Rosminah Mohd. Tahir dengan dibarisi pelakon Juhara Ayob (Nyonya), Khatijah Tan (Keponakan A), Zaifri Husin (Tuan), Vanidah Imran (Keponakan C), Tania Zainal (Keponakan B) dan Farah Adila Apandi (Isteri). Tetamu Kehormat ialah Menteri Besar Kedah, Datuk Seri Mahdzir Khalid dan isteri, Datin Seri Noraini Abdullah.

Kali ke-4 teater ini dipentaskan oleh produksi yang sama pada 20-24 Februari 2008 di Lambang Sari, Istana Budaya. Penaung ialah Datin Seri Noorah Anna iaitu isteri Datuk Zulhasnan Rafique. (ketika itu Menteri Wilayah Persekutuan). Diarahkan oleh Rosminah Mohd Tahir pelakon yang terlibat ialah Juhara Ayob (Nyonya), Zaifri Husin (Tuan), Melissa Saila (Keponakan C), Khatijah Tan (Keponakan A), Tania Zainal (Keponakan B) dan Yani Mae (dari Bandung, Indonesia sebagai Isteri).

Pementasan kali ke-5 digabungkan dengan naskhah Mak Dara (riwayat hidup Ibu Halimah Shuib) diarahkan oleh Rosminah Mohd Tahir pada 6 – 12 Julai 2011 di Auditorium Pusat Pelancongan Malaysia (MATIC), Jalan Ampang, Kuala Lumpur yang ditaja oleh Jamu Mak Dara Sdn. Bhd.(JMD). Pelakonnya terdiri daripada Juhara Ayob (Ibu Halimah), Sherry Abdullah (Nyonya), Norizizi Zulkafli (Keponakan A), Zaifri Husin (Tuan), Sarimah Ibrahim (Keponakan B), Misha Omar (Keponakan C) dan Fara Fauzana Mohd Fadzil (Isteri).

Memandangkan skrip teater ini amat baik dan membawa kesan positif kepada khalayak, maka adalah wajar ia dipentaskan kembali di tempat yang berbeza. Malah, lebih menarik sekiranya ia dijadikan teater keliling dan memberi peluang kepada masyarakat luar kota menikmatinya. Justeru, kami Produksi *Nyonya & Mak Dara* amat berharap teater yang penuh dengan nasihat ini dapat dipentaskan seluruh negara sebagai bahan tontonan masyarakat Malaysia.

Penerbit & Penulis Skrip (Mak Dara)

Siti Rohayah Attan

GRADUAN Kewartawanan & Filem dari Universiti Sains Malaysia (USM), Pulau Pinang ini pernah bertugas sebagai Pengarang Sastera & Hiburan di akhbar Utusan Malaysia selama 10 tahun sebelum meletakkan jawatan pada 2004. Walaupun terkenal sebagai seorang penerbit yang telah menerbitkan 28 teater dan pengarah kepada lapan teater, beliau bermula berkecimpung dalam dunia seni melalui penulisan.

Pernah menghasilkan buku biografi bekas Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan; *Tan Sri Sabbaruddin Chik- Teknokrat Yang Tersingkir* (2007), novel *Cinderella, Romeo & Juliet, Meniti Ranjau Kasih, Trilogi Wajah Wanita, Di Sini Luruhnya Musim Kasih, Primadonna Minden, Kasih dan Air mata* serta antologi cerpen solo, *Rindu Yang Kau Pinjamkan Itu, May*. Antara karya pentas beliau termasuk *Mencari Juita, Akulah Perempuan Itu* dan *Bulan Menangis*. Beliau turut menulis drama radio & televisyen antaranya *Mencari Al-Zahra, Hujan di Hati Kamariah, Keranamu Mas Intan, Enigma* dan *Amy & Misha*.

Teater arahan beliau ialah *Mencari Juita, Akulah Perempuan Itu, Pelayaran Nur Atma, Bulan Menangis, Dejavu* (4 musim, 1999-2004) dan *Bukan Dejavu*. Beliau pernah mewakili Malaysia ke Bengkel Penulisan Drama Majlis Sastera Asia Tenggara di Bogor, Indonesia (2000/2001), Festival Teater ASEAN di Brunei (1994) dan turut menyertai seminar di Amerika Syarikat, Jepun, Korea Selatan, China, Australia, Thailand, Singapura, Perancis dan Filipina. Kini, beliau adalah Presiden Persatuan Penulis Wanita Malaysia (PPWM) sejak tahun 1999 dan menganggotai beberapa NGO, termasuklah Ahli Majlis Teater Kebangsaan (TEMA) dan SENIMAN.



Pengarah Rosminah Tahir



ANAK kelahiran Muar, Johor ini merupakan graduan dari Universiti Sains Malaysia (USM) dengan Ijazah Sarjana dalam Seni Lakon. Beliau turut menjadi antara pelopor kepada penubuhan Akademi Seni Kebangsaan (ASK) 1994 dan seterusnya meletakkan beliau sebagai Dekan Fakulti Teater Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan (ASWARA) sejak 2008.

Telah mengarah hampir 60 teater antaranya yang mencipta nama beliau termasuk *Muzikal Tun Mahathir 1 & 2* (Istana Budaya, 2010 & 2011), *Muzikal Ibu Zain* (Istana Budaya & MaTiC, 2009), *Muzikal Lantai T. Pinkie* (Istana Budaya & Perak, 2008), *Teater Lantai T. Pinkie* (4 musim, 1998-2004), *Anugerah* (4 musim), *Puteri Hang LiPo* (Box Office & dibawa keliling Malaysia), *Kuala Lumpur Night* (Festival Filem Asia Pasifik ke 49, Fukuoka, Jepun), *A Modern Woman* (Cairo International Festival 1996, Cairo) dan banyak lagi.

Beliau turut menulis 15 skrip drama radio, 22 skrip teater, sebuah buku *Kumpulan Drama Pentas Rosminah Tahir* (2009) dan *Biografi Sabbaruddin Teknokrat Yang Tersingkir* (2007) selain artikel, cerpen, puisi dan lirik lagu (Lirik *Hantaran Hati* berjaya ke peringkat akhir Anugerah Juara Lagu ke-21, TV3).

Beliau pernah mengikuti kursus Traditional Theatre (Singapura), Pengurusan Produksi (Banff Centre of The Arts, Canada), Vokal (Stafford Upon Avon, England), Kebudayaan Asia (HongKong), Stagecraft (Jepun), Children Theatre (Brisbane, Australia) dan banyak lagi. Pengalaman dan kepakaran beliau dalam bidang teater membolehkan beliau dilantik sebagai Bendahari Majlis Antarabangsa Festival dan Pertubuhan Kesenian Malaysia (CIOFF) dan Naib Presiden Persatuan Penulis Wanita Malaysia (PPWM).

Penulis Skrip (Nyonya) Allahyarham Wisran Hadi

DRAMATIS Indonesia yang bergelar Wisran Hadi ini lahir di Lapai, Padang pada 27 Julai 1945 dan dibesarkan dalam lingkungan kesenian Minangkabau tradisional. Pemenang Anugerah Penghargaan FTI (Federasi Teater Indonesia) Award 2010 yang turut merupakan penghargaan berbagai gelaran seni kepada beliau, termasuk monolog, teater, muzik, baca puisi dan tari ini mendapat pendidikan awal di sekolah agama sebelum ke Akademi Seni Rupa Indonesia (ASRI), Yogyakarta sehingga 1969.

Di samping melukis dan membuat pameran lukisan sejak 1967, Wisran mengasah bakatnya sebagai penulis dan terpilih mengikuti International Writing Program di Iowa pada 1977. Setahun kemudian beliau mengikuti pemerhatian teater moden Amerika di New York dan beberapa kota besar seperti di Jepun.

Sehingga kini Wisran telah menghasilkan lebih 60 drama yang kebanyakannya telah dipentaskan atau diterbitkan. Antara karya dramanya ialah *Empat Orang Melayu* (berisi empat naskah drama: *Senandung Semenanjung*, *Dara Jingga*, *Gading Cempaka*, dan *Cindua Mato*). Novelnya yang pernah dibukukan termasuk *Imam*, *Empat Sandiwara Orang Melayu* dan *Simpang*. Cerpen-cerpennya juga kerap diterbitkan di media cetak dan dibukukan penerbit Malaysia. Antaranya berjudul *Daun-daun Mahoni Gugur Lagi*.

Beliau aktif bersama Kumpulan Bumi Teater yang dipimpinnya sejak 1978 di Kota Padang dan telah memenangi kira-kira 15 hadiah dalam pelbagai peraduan menulis drama. Pada tahun 2000 beliau terpilih sebagai penulis Indonesia yang memenangi S.E.A. Write Award di Bangkok. Beliau pernah menjadi Pensyarah Tamu di Akademi Seni Kebangsaan (ASK). Beliau meninggal dunia pada 28 Jun 2011.



Pengarah Pemasaran Chloe H.B. Siao



GRADUAN Universiti Putra Malaysia dalam bidang Pengajian Makanan dengan major Kawalan Mutu ini mula berkecimpung dalam bidang jualan dan pemasaran sejak menamatkan pengajiannya pada 2004.

Beliau pernah berkhidmat dalam bidang perubatan dan nutrisi di beberapa korporat gergasi dunia seperti Merck Sharp & Dohme (IA), Fonterra Brands dan Nestle di mana beliau mengasah teknik-teknik jualan dan pemasaran.

Pakar dalam *Niche Marketing* dan *Need Based Selling* ini mula terlibat dalam bidang seni dengan menyertai CTRA Production pada 2008 sebagai Pengarah Pemasaran.

Antara produksi teater yang pernah beliau terlibat termasuklah *Muzikal Ibu Zain 1 & 2* (Istana Budaya & MaTiC), *Muzikal Gamat 1 & 2* (Istana Budaya & MaTiC) dan *Muzikal Tun Mahathir Musim 1 & 2* di Istana Budaya (2010 & 2011).

Pengurus Pentas: Shahrul Mizad Ashari

PEMILIK Diploma Teater dari Akademi Seni Kebangsaan atau kini dikenali dengan Akademi Seni Budaya dan Warisan (ASWARA) dan Ijazah Sarjana Muda Seni Persembahan dari Universiti Malaya seringkali menggagas tugas selaku pengurus pentas. Antaranya teater *Tun Perak*, *Tengku Anum*, *Otak Gak Center*, *Alang Rentak Seribu*, *Raja Tangkai Hati*, *Cindai*, *Muzikal T.Pinkie*, *Muzikal Ibu Zain*, *Gedebe*, *Tun Fatimah*, *Pelayaran Nur Atma*, *Anugerah*, *Akulah Perempuan Itu*, *Mencari Juita*, *IV Monodrama*, *Bulan Menangis* dan *MISI*.


Beliau juga berlakon teater *Jangan Bunuh Sam*, *Split Gray On Rice*, *Monodrama Lembu*, *Monodrama 3 Lives*, *Salina*, *Mimpi Malam Panas*, *Manachemi*, *Paduka Oedipus*, *Monodrama Bulan Menangis*, *Selipar Jepun*, *Ghazal Paty Queen*, *Mak Yong Anak Raja Gondang*, *Bangsawan Menjunjung Duli Mahkota*, *Muzikal Kesuma*, *Muzikal Tun Abdul Razak*, *Keris Sang Puteri*, *Silang Kata*, *Puteri Saadong*, *Proses*, *The Birds* dan *Bangsawan Alang Buana*; juga dalam beberapa produksi tv antaranya *Chalet Pak Wan*, *Sutun 1 & 2* dan *Cinderella*.

Lepat Pisang Kopi O merupakan pengarahannya pertama beliau. Sehingga kini beliau pernah mementaskan *Kelam...bu*, *Bangsawan Raden Galoh*, *Singgah*, *Perempuan itu...*, *Bad Girls*, *Bangsawan Harris Fadilah & Siti Zawiyah*, *Cleopatra & Anthony*, *Yang Benar*, *Raja Laksmiana Bentan*, *Bangsawan Laksmiana Cheng Ho*, *Bangsawan Bunga Sakti Cinta Malam*, *Perhiasan Kaca* dan selaku Penolong Pengarah teater kanak-kanak *Aladdin*.

Jurulatih Tari: Suhaib Daud

DILAHIRKAN pada 3 April 1987 di Selandar, Jasin, Melaka. Penglibatan awal dalam bidang seni bermula di ISMMA, dan seterusnya Jabatan Kebudayaan & Kesenian Negeri Melaka sebagai Artis Budaya di bawah Kumpulan Kesenian Jabatan (KKJ). Pernah mengadakan persembahan di seuruh negara, Singapura, Indonesia & Korea. Turut merupakan penerima Anugerah Penari Harapan sempena Malam Penghargaan Kepada Penggerak-Penggerak Seni Budaya Negeri Melaka 2007 oleh Jabatan Kebudayaan & Kesenian Negeri Melaka.

Selama tiga tahun menuntut di ASWARA, sering melibatkan diri dalam persembahan antaranya *JAMU*, *Tapestry*, *Muzikal Ibu Zain*, *"Spring" Batu Dance Theatre* di MaTiC dan *Muzikal Tun Abdul Razak*. Terpilih mewakili ASWARA ke Hong Kong untuk *Dance Teen 2011*. Beliau juga aktif mengajar di sekitar Melaka, Kuala Lumpur, Selangor dan Pulau Pinang. Bertindak sebagai koreografer untuk *Produksi Bangsawan Syakuntala 2010*, *Tapestry 2010*, *Malam Kreasi Baru 2011* (*Joged Cak Kun Cak & Sayangku Nyonya*) dan *Gelombang Baru 2011* (B.U.T).



Penyelaras Kostum: Sarina Azizan

DUNIA seni dan dokumentasi adalah bidang yang menjadi idaman sejak kecil graduan Seni Lukis dan Seni Reka UiTM ini. Justeru, beliau sering melakukan sesuatu yang boleh dijadikan rujukan antaranya menyertai program Sulaman Terpanjang di Malaysia anjuran Jawatankuasa Perundingan Hal Ehwal Wanita Negeri Perak di KLCC. Beliau juga menjadi pereka kostum bagi pelbagai teater termasuklah *Muzikal Gamat*, *Muzikal Ibu Zain*, *Muzikal Tun Mahathir*, *Mana Setangginya* selain teater-teater lain seperti *Bangsawan MacBeth*, *Ali Baba* dan *Puteri Sa'adong*. Pegawai kerajaan di Istana Budaya ini juga terlibat dalam program *Merakyatkan Seni*, *Rumah Terbuka Krismas* dan *Sambutan Tahun Baru Cina*. Beliau diberi kepercayaan mereka pakaian rasmi bagi Orkestra Simfoni Kebangsaan (OSK).

Pembantu Kostum: Suriani Bohari

PENOLONG Pereka Kostum di Istana Budaya kelahiran Kuala Langat ini pernah melalui pengalaman kerja yang amat menarik apabila terlibat sebagai Pembantu Kostum bersama dengan "Beauty and The Beast Theatre Group". Selama sembilan tahun beliau terlibat dalam pelbagai pementasan seni terutamanya teater. Antara teater yang menggunakan kepakaran beliau ialah *Bangsawan Tun Mamat*, *Mana Setangginya*, *Sirah Junjungan*, *Aladdin*, *AliBaba*, *Muzikal Tun Mahathir*, *Muzikal Ibu Zain*, *Suzana @60*, *Bangsawan Raja Tangkai Hati*, *Tun Fatimah* dan *Puteri Hang Li Po*. Selain itu, beliau yang turut mengikuti pelbagai kursus berkemahiran dalam bidang solekan yang mana pernah mengikuti kursus solekan bersama Zulfazli (2004) di samping *Kursus Design Process*, Japan Foundation 2003.



Sarina Azizan Suriani Bohari

Penyelaras Tatarias (Solekan): Syahida Mohd. Marzuki

MENDAPAT pendidikan formal dalam bidang seni di ASWARA, bakat yang ada diteruskan dalam bidang lakonan dan tata rias. Minat dalam lakonan memberinya peluang muncul dalam drama televisyen seperti *Siri Kum Kum*. Begitu juga dalam bidang teater yang menampilkan bakatnya melalui Teater *Muzikal Gamat*, *Merah dan Singa*, *Lawyer Dahlan*, *MacBeth*, *Makyung Raja Kecil Dewa Laksana*, *Bangsawan Raden Galoh* dan teater eksperimen *Vertigo*. Kemahiran dalam bidang tata rias/ solekan dibuktikan melalui penglibatannya dalam beberapa teater besar yang dipentaskan di Istana Budaya seperti *Muzikal Gamat* dan *Muzikal Tun Mahathir*.

Penyelaras Tatarias (Rambut): Nur Syahiera Masri

ANAK kelahiran Kuala Lumpur ini mengambil pengkhususan lakonan ketika menuntut di Jabatan Teater ASWARA pada 2006 - 2009. Bagaimanapun, beliau serba boleh dan mempunyai pelbagai kemahiran, contohnya sebagai *Pengurus Pentas*, *Krew Pentas*, *Tata Cahaya* dan banyak lagi. Malah, sentuhannya dalam tatarias paling ketara. Pernah mengikuti *Kursus Dandan Rambut AIMI Academy* dan berpengalaman kerja di salon kecantikan. Kemahiran itu digunakan dalam teater *Makyung Raja Kecil Dewa Laksana*, *Gema Merdeka*, *Pentas Opera*, *Datin Rokiah*, *Tycoon*, *Muzikal Tun Mahathir*, *Bangsawan Kanak-Kanak 5 Bersaudara* dan *Cheng Ho*.



Pereka Tatahacaya: Muhamad Azhar Zainal

MENGLIBATKAN diri dalam teater sejak tahun 2004. Mendapat latihan formal dalam bidang lakonan sewaktu menuntut sebagai pelajar teater di Fakulti Seni Persembahan UiTM. Sejak itu kesungguhan beliau bukan sahaja dalam bidang lakonan tetapi juga berminat sebagai pengarah, penari dan pereka. Teater arahan beliau *Wajah Lumpur* berjaya mendapat Johan dalam Festival Teater Selangor 2007 dan tempat ketiga di Festival Teater Malaysia pada 2008. Antara produksi teater yang pernah beliau sertai adalah *Dimana Bulan Selalu Retak*, *Muzikal Rubiah*, *Kalut*, *Berani Mati*, *Alang Rentak 1000*, *Salina*, *Bukan Lalang Di-tiup Angin*, *Gema Zafana*, *Musikal Ibu Zain*, *Oi Yang Diatas Sana*, *Daramatari Puteri Sardu*, *Gema Merdeka*, *Intan Yang Tercanai*, *Puteri Gunung Ledang The Musical Season 3 & Singapore Tour*, *Muzikal Tun Razak*, *Cuci The Musical Season 1 & 2*, *Bangsawan Jula Juli Bintang*, *Muzikal Uda & Dara*, *Muzikal Tun Mahathir 1* dan *Muzikal Tun Mahathir 2*.



Pereka Set: Mohd. Nurul Hazirin

PENGALAMAN bekerja hampir 10 tahun di dalam bidang rekaan produksi membuatkan beliau sering menjadi rujukan kepada teman atau pelajar IPT terutamanya rekaan pentas set dan props. Antara pengalaman rekaan set /props oleh hasil tangan beliau adalah *Muzikal Tun Abdul Razak*, *Sparks of Broadway*, *Dancing Thru Broadway*, *Teater Moden (Aswara)*, *Mak Yong*, *Teater Nyonya*, *Lantai T. Pinkie*, *Anugerah Juara Lagu 08*, *Akademi Al Quran 5*, *Teater Randai*, *Fakulti Tari (Aswara)*, *Muzikal Kesuma*, *Woyzeck* dan lain-lain lagi. Selain itu beliau juga turut melakukan beberapa rekaan untuk penerbitan video (MK DIRECT) dan juga sebagai penasihat untuk Tabung Haji / TAHA merchandise. Beliau adalah lulusan ASWARA dan Universiti Malaya.



Penolong Pengurus Pentas



Siti Aqilah Kamarul Baharaini & Hamdan Hamidon



Krew MaTiC:
Samsudin Puasa,
Azizi Mohamad @ Mohd Judin, Shahrul Nizam Bakri, Norsyawaldizahar Ahmad, Mohd Hisyammuddin Abdullah, Edil Jaafar, Anis Mohd Nasir & Azrul Nizam Shahrir.

Publisiti:

Mohd. Amer Syafiq Khalip

Pembantu Produksi



Siti Nur Khatijah, Nor Maidya Jamaluddin, Sabariah Abdullah, Muhammad Fandi Che Hisham & Norwati Mislan





Juhara Ayob sebagai Mak Dara

BEKAS Artis Budaya di Kompleks Budaya Negara (KBN) ini melebarkan bakatnya dalam bidang seni terutamanya tarian dan lakonan sejak 10 tahun lalu dan semakin menyerlah sejak belajar di Akademi Seni Kebangsaan (ASK) dan kini sebagai tutor di institusi seni tersebut. Beliau baru selesai pengajian peringkat ijazah di Universiti Malaya.

Pernah muncul dalam pelbagai genre teater seperti makyung, bangsawan dan teater moden. Banyak diberikan watak-watak berat di pentas teater seperti sebagai T.Pinkie dalam teater *Lantai T.Pinkie* karya Sasterawan Negara Datuk A. Samad Said. Beliau juga muncul dalam teater *Anak Raja Gondang*, *Raja Laksamana Bentan*, *Pelayaran Nur Atma*, *Anugerah*, *Dejavu*, *Sungai Mengalir Lesu*, *Tengku Anum*, *Bukan Dejavu*, *Ribut*, *Birds* dan banyak lagi.

Dalam bidang teater beliau pernah dianggap sebagai Ratu Teater kerana kemampuannya menghayati watak yang diberikan. Justeru diberikan watak Ibu Halimah bagi teater *Mak Dara Nyonya*.

Selain itu, beliau juga terlibat dalam industri filem dan drama tv serta memenangi Anugerah Pelakon Pembantu Wanita Terbaik bagi Kategori Drama pada Anugerah Skrin (TV3) dan Seri Angkasa (RTM).

Pelakon yang mempunyai tiga anak ini juga sering melibatkan diri sebagai tenaga pengajar bidang lakonan yang dianjurkan oleh Perbadanan Filem Nasional (FINAS) serta pihak swasta.





Sherry Syed Abdullah sebagai Nyonya

PEMEGANG Ijazah Sarjana Muda Seni Teater dari Akademi Seni Kebudayaan dan Warisan Kebangsaan (ASWARA) ini mempunyai bakat serba boleh dalam pementasan teater. Seiaiku pelakon semulajadi, beliau pernah berlakon dalam 23 teater antaranya Muzikal Ibu Zain, Tunku the Musical, Cucu, Bangsawan Bunga Sakti Cinta Malam, B1N2, Race, Kisah Gadis, The Maids, Makyong Anak Raja Gondang, Bangsawan Garang Perak dan Tari Tirana.

Selain itu, beliau juga merupakan pengarah teater muda dan pernah mengarah teater Muzikal O2, Nasib Wanita di Sisi Shakespeare, F for Female, Gema Merdeka dan Janda Setingan, karya Sasterawan Negara, Datuk A. Samad Said.

Tidak hairanlah beliau banyak memenangi pelbagai anugerah antaranya Pelakon Pembantu Terbaik dalam Cameronian Arts Award dan Kaki Seni 2009, Anugerah Pelakon Harapan 1 (Monodrama USM 2008), Pelajar Terbaik Fakulti Teater (2003 & 2006) dan Anugerah Penghargaan ASWARA (2009).

Beliau juga merupakan penerima Biasiswa Pelajaran 2009 daripada The Malaysian Arts Community, Boh Plantations Sdn. Bhd. & Kaki Seni.





Zaifri Husin sebagai Tuan

PEMILIK Ijazah Sarjana Pengarahan Teater dari Middlesex University, United Kingdom dan Universiti Sains Malaysia (USM) ini berpeluang mendalami teknik Mayerhold dan Biomekanik di Russian Federation Theatre Arts Academy of Moscow, Russia. Bakat beliau terserlah sebagai pengarah, pelakon dan penulis skrip pentas.

Pernah muncul sebagai pelakon dalam teater *Assyura*, *Rubiah*, *Lantai T. Pinkie*, *Selendang Umi*, *Cucu*, *Malam Haram*, *Nyonya*, *Anugerah*, *Mencari Juita*, *Tiang Seri Tegak Berlima*, *Tun Mamat Puteri Gunung Ledang*, *Megat Terawis*, *Tengku Puteri Salasiah*, *Beg Sakti*, *Jambatan* dan *Nanamun Mantanani* serta Muzikal *Tun Mahathir 2*.

Antara teater arahan beliau termasuk *Bawang Putih Bawang Merah*, *Taman Baginda*, *Belalang Kenit*, *Ali Baba* (Istana Budaya, New Delhi & Iran) dan *Gamat* (Istana Budaya, MaTiC & jelajah Malaysia).

Beliau juga pernah menjadi tenaga pengajar di ASWARA dan Universiti Malaya di samping sering berkongsi pengalamannya dalam banyak seminar dan bengkel seni.

Beliau kini bertugas sebagai Pengarah di Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN).





Norzizi Zulkafli sebagai Keponakan A

MENDAPAT pendidikan dalam bidang seni di Akademi Seni Kebangsaan (kini ASWARA), Universiti Teknologi Mara (UiTM) dan berkelulusan Masters of Fine Arts (MFA) Theatre Directing dari Middlesex University, London.

Memulakan perjalanannya sebagai pelakon teater antaranya *Itik Liar* arahan Tamimi Siregar, *Paduka Oedipus* (Zahim Al Bakri), *Makyung Anak Raja Gondang* (Seniman Negara Khadijah Awang), *Bangsawan Raja Laksamana Bentan* (Seniman Negara Rahman B), *Randai Anggun Nan Tungga* (Bapak Dahmir), *Mencari Juita* (Siti Rohayah Attan), *Pelayaran Nur Atma* (Siti Rohayah Attan), *Lantai T. Pinkie* (Rosminah Tahir), *Dejavu Seorang Perempuan* (Siti Rohayah Attan), *Bulan Menangis* (Siti Rohayah Attan), *Demi Zaitun* (Dato' Nordin Hassan), *Intan Yang Tercanai* (A.Wahab Hamzah) dan *Bangsawan Alang Buana* (Mazlan Tahir).

Beliau juga turut mengarah teater antaranya *Makyung Raja Tangkai Hati* (di Istana Budaya), *Teater Muzikal Kanak-kanak Aladdin* (Istana Budaya), *Makyung Titis Sakti* (KLpac) dan *Medea* (The Actors Studio).

Beliau kini berkhidmat sebagai pensyarah di Universiti Teknologi Mara (UiTM).





Sarimah Ibrahim sebagai Keponakan B

DINOBATKAN Pengacara TV Terbaik Anugerah Seri Angkasa 2010, beliau merupakan pengacara bagi *Biggest Loser Asia Season 1*, *Akademi Fantasia 6, 7 & 8*, *Tangkap Muat, 1,2,3 Tukar* dan banyak lagi.

Anak seni serba boleh ini memiliki pelbagai bakat; menyanyi, berlakon, mengacara serta seni mempertahankan diri. Beliau adalah pemegang tali pinggang hitam GojuRyu Seibukan Karate.

Beliau turut memenangi Anugerah Pelakon Pembantu Wanita Terbaik dalam FFM 1999, Artis Baru Terbaik AIM 2001 dan Pengacara TV Terbaik 2010. Bakat lakonannya terselah dalam filem-filem *Seiras Hati*, *Maka Diciptanya Perempuan*, *Puteri Impian 2*, *Janji Diana*, *MX3* dan *Gerak Khas 3*.

Kemampuan beliau dalam teater terselah melalui watak Surur dalam *Muzikal Tun Mahathir 2* yang turut merupakan teater pertama beliau secara profesional.

Teater *Mak Dara Nyonya* adalah teater kedua yang menyerlahkan bakatnya dalam lakonan pentas.





Misha Omar sebagai Keponakan C

ANAK kelahiran Kelantan ini memulakan kerjaya seni sebagai penyanyi pada tahun 2001 apabila bakatnya dikesan oleh Adnan Abu Hassan di dalam Pertandingan Bintang RTM 2001. Pernah memenangi Shang Hai Asia Music Festival, Anugerah Industri Muzik ke-16 (Album Terbaik, Lagu Etnik Terbaik dan Lagu Terbaik), Anugerah Juara Lagu ke-18 (Juara Keseluruhan, Juara Kategori Balada & Persembahan Vokal Terbaik) dan Anugerah Juara Lagu ke-19 (Juara Kategori Balada & Persembahan Vokal Terbaik).

Beliau turut membintangi filem *Gerak Khas 3* dan *Main-Main Cinta* serta beberapa drama tv tempatan.

Penglibatan sulung beliau dalam teater adalah menerusi watak Ketua Buntal dalam *Teater Gamat 2 (MaTiC)*.

Beliau diberi cabaran besar untuk memegang watak Dara dalam *Uda & Dara* dan beliau diuji sekali lagi apabila ditawarkan untuk menjayakan watak Tun Dr. Siti Hasmah Mohd Ali (remaja) dalam *Muzikal Tun Mahathir 2* di mana sebelum ini, beliau berlakon sebagai Rosnah Majid dalam *Muzikal Tun Mahathir 1*.





Fara Fauzana Mohd. Fadzil sebagai Isteri

PEMEGANG Ijazah Sarjana Muda (Kepujian) Perhubungan Awam dari Universiti Teknologi Mara Shah Alam ini popular sebagai DJ Radio HOTFM dan pernah menjadi pengacara Melodi TV3. Di samping itu, beliau juga merupakan seorang pelakon dan penerbit drama.

Antara filem lakonan beliau termasuklah *SH3 The Movie*, *Gila Gila Bola*, *Jin Notti*, *Kecoh Betul* dan *Andartu Terlampau... 21 Hari Mencari Suami*. Bakat beliau juga terserlah dalam drama televisyen seperti *Hanya Segeluk Air*, *Mangkuk Tingkat*, *Fatamorgana*, *Kisah Benar*, *Nur*, *Sitkom Fara*, *Gadis Cuci* dan *Gadis Cuci The Series*. Menariknya, beliau pernah mempunyai siri lakonannya yang berjudul, *Fara*.

Populariti Fara terserlah melalui beberapa anugerah yang diterimanya termasuklah Pengacara TV Wanita Popular, Anugerah Bintang Popular Berita Harian (ABPBH) 2005, ABPBH 2006, ABPBH 2007, ABPBH 2008, ABPBH 2009 dan Penyampai Radio Wanita Popular ABPBH 2007, ABPBH 2008 dan ABPBH 2009. Beliau juga menjadi duta kepada Telekom Malaysia, Keep Slim dan Jacob's.

Teater *Mak Dara Nyonya* adalah percubaan sulung beliau ke pentas teater.





Sidang Media 1: 26 April 2011, Hotel Quality, KL




Sidang Media 2: 16 Jun 2011, Hotel Quality, KL





Di Sebalik Tabir: Latihan



Di Sebalik Tabir: Latihan





Di Sebalik Tabir: Persiapan



Di Sebalik Tabir: Kandid





Penyelidikan: Temuramah bersama Ibu Halimah



Penyelidikan: Temuramah bersama Ibu Halimah





Tenaga Usaha Teater Mak Dara Nyonya

TENAGA UTAMA

PENERBIT: Siti Rohayah Attan
 PENASIHAT PRODUKSI: Syed Muhammad Gaddafi Syed Ali & Ibu Halimah Shuib
 PENGARAH PRODUKSI/PEMASARAN: Chloe Siao Hui Boon
 PEN. PENGURUS PRODUKSI: Hamdan Hamidon
 PUBLISITI: Mohd. Amer Syafiq Khalip

TENAGA KERJA KREATIF

SKRIP: Wisran Hadi (Skrip Nyonya) & Siti Rohayah Attan (Skrip Mak Dara)
 PENGARAH: Rosminah Mohd Tahir
 JURULATIH TARI: Suhaib Daud
 PENGURUS PENTAS: Shahrul Mizad Ashari
 PEN. PENGURUS PENTAS: Siti Aqilah Kamarul Baharaini
 PEREKA TATACAHAYA: Muhammad Azhar Zainal
 PEREKA SET: Mohd Nurul Hazirin
 PEREKA KOSTUM: Sarina Azizan
 PEN. PEREKA KOSTUM: Suriani Bohari
 PEREKA TATARIAS (MAKE-UP): Nur Syahida Mohd Marzuki
 PEREKA TATARIAS (RAMBUT): Nur Syahiera Masri
 PEMBANTU PENTAS: Nor Maidya Jamaluddin
 PEMBANTU PANGGUNG: Hamdan Hamidon, Sabariah Abdullah, Siti Nur Khatijah, Norwati Mislan & Muhammad Fandi Che Hisham

PELAKON

Juhara Ayob, Sherry Syed Abdullah, Zaifri Husin, Norzizi Zulkafli, Misha Omar, Sarimah Ibrahim & Fara Fauzana Mohd Fadzil

TENAGA KERJA MATIC

Samsudin Puasa, Azizi Mohamad @ Mohd Judin, Shahrul Nizam Bakri, Norsyawaldizahar Ahmad, Mohd. Hisyammuddin Abdullah, Edil Jaafar, Anis Mohd Nasir & Azrul Nizam Shahrir



Sekalung Budi



YABhg. Tun Dr Siti Hasmah Mohd Ali
 YB Datuk Seri Utama Dr Rais Yatim
 YB Datuk Seri Dr Ng Yen Yen
 YBhg. Datuk Norliza Rofli (Ketua Pengarah JKKN)
 YBhg. Datuk Mohamed Najib Ahmad Dawa (Rektor ASWARA)
 YBhg. Datin Zaiton Mohd Ali (Pengarah MATIC)
 En. Mohamed Juhari Shaarani (Ketua Pengarah Istana Budaya)
 Puan Fauzia Sabiri (SUB Bhg. Dasar KPKK)
 Puan Halimah Shuib
 Puan Zubaidah Sual
 Puan Sharifah Halimatun Saadiah Syed Ali
 Puan Siti Hatija Yusof
 Puan Noraini Razak
 Cik Hamisma Hassan
 Pejabat YABhg. Tun Dr. Mahathir Mohamad
 Kaki tangan Jamu Mak Dara Sdn. Bhd.
 Cashmere Galeri
 Persatuan Penulis Wanita Malaysia (PPWM)
 Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan (ASWARA)
 Pusat Pelancongan Malaysia (MATIC)
 Bahagian Dasar KPKK
 Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara
 Istana Budaya
 Dewan Bandaraya Kuala Lumpur
 Polis Diraja Malaysia
 Kumpulan Media Prima
 Kumpulan New Straits Times

Kumpulan Utusan
 Kumpulan Karangkrak
 Astro
 RTM
 HotFM
 Mstar Online
 Manga Online
 Murai.com
 Gua.com.my
 Blogger

Semua media massa dan wartawan yang
 member sokongan serta semua pihak yang
 menjayakan persembahan ini sama ada se-
 cara langsung atau sebaliknya.

Radio Rasmi:



Sekalung Budi







kepada

Penaja Busana Rasmi



Perunding perkahwinan, penyewaan/pembekal pakaian / kostum untuk
 tarian, drama, filem & membuat kek, biskut, hantaran dan sebagainya.

Hubungi: Galeri Cashmere
 3-1 Tingkat 1,
 Jalan Dataran Selayang 1,
 Dataran Selayang,
 68100 Batu Caves, Selangor.
 Tel: 012-325 3360
 Email: cashmere.trading@yahoo.com



CTRA (001474296-D)
PRODUCTION

Khidmat Kami: Penerbitan teater, drama, film, pengurusan acara, skrip, penerbitan buku, percetakan, showbiz & iklan/publisiti.

CTRA Production
Lot. 8416, Jalan Nakhoda Kiri,
Kg. Nakhoda,
68100 Batu Caves,
Selangor.

Web: www.ctraproduction.blogspot.com
Email: ctraproduction@yahoo.com
Tel/Faks: +603-6186 6592



Terima Kasih!
Pengguna Setia Kami

Kongsi masalah anda
0192888429 0193569233

Jamu Mak Dara Sdn. Bhd. No 333, Lorong Sarawak, Melawati Urban 1, Pusat Bandar Melawati, 53100 Kuala Lumpur



Jamu Mak Dara
GOLD